

Tiada pakatan dua bahagian

BH - 8 MAR 2000

KUALA LUMPUR, Selasa - Umno Bahagian Kepala Batas dan Kubang Pasu tidak mewujudkan sebarang pakatan untuk mencalonkan nama tertentu khususnya bagi tiga jawatan Naib Presiden pada pemilihan Mei ini.

Nah Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata bahagian Kcpala Batas yang diketuainya akan menyerahkan kepada perwakilan siapa yang mereka calonkan untuk tiga jawatan naib presiden dan jawatan lain dalam parti.

Beliau berkata, jika berlaku persamaan pencalonan terutama bagi jawatan naib presiden oleh bahagiannya dengan pencalonan bahagian Kubang Pasu yang diketuai Datuk Seri Dr Mahathir Mo-

hammad, ia adalah kebetulan.

"Saya tidak ada muafakat dengan Datuk Seri Presiden (Dr Mahathir) untuk sama-sama nak calonkan nama-nama tertentu. Kalau sama, mungkin itu secara kebetulan saja.

"Kita mengikut kehendak ahli. Mereka yang tahu membuat pilihan dan tahu apakah kepentingan Umno serta bagaimana ia dapat dipelihara dengan memastikan barisan kepemimpinan yang dipilih itu berwibawa dan boleh memimpin," katanya selepas merasmikan Pameran Perabot Antarabangsa Malaysia 2000 hari ini.

Abdullah yang juga menjalankan tugas-tugas Timbalan Presiden Umno ditanya sama ada bahagiannya akan

memilih calon yang sama dengan Umno Kubang Pasu, terutama bagi tiga jawatan naib presiden.

Bahagian Kubang Pasu tidak membuat pencalonan dalam pemilihan Umno pada 1993 dan 1996 untuk menunjukkan sikap berkecuali terhadap pertandingan merebut jawatan dalam parti.

Bagaimanapun, mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno semalam mengarahkan semua bahagian yang akan mengadakan mesyuarat perwakilan selepas ini, termasuk Kubang Pasu, membuat pencalonan penuh bagi mengisi semua jawatan utama dalam parti.

Jawatan itu ialah Presiden, Timbalan Presiden, tiga Naib Presiden dan 25 ahli MT. Ke-

putusan itu dicapai berikutan keputusan bahagian Tawau pada persidangan perwakilannya minggu lepas yang hanya menamakan dua orang sebagai calon Naib Presiden. Pencalonan itu bagaimanapun dianggap sah oleh MT pada sisi peraturan parti.

Mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Kepala Batas dijadualkan pada 26 Mac ini. Bagaimanapun, tarikh mesyuarat bagi Kubang Pasu belum ditetapkan.

Mengenai kemungkinan pencalonan yang dibuat bahagian Kubang Pasu nanti disalahtafsirkan sebagai "caalon yang diperakukan" oleh Presiden, Abdullah berkata sebarang andaian seperti itu tidak boleh dielakkan.

"Apa yang kita buat pun akan ditafsirkan oleh pelbagai pihak yang (boleh) menyenangkan mereka. Itu tak boleh dielak. Keputusan (oleh MT) sudah huat semalam dan tidak ada bahagian yang diberi pengecualian...semuanya kena buat pencalonan lengkap, maka kita akan laksanakan apa yang diputuskan MT," katanya.

Abdullah bagaimanapun enggan mengulas mengenai cuhaan cawangan tertentu untuk mencalonkan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah bagi jawatan Presiden dan Timbalan Presiden walaupun MT, menasihatkan supaya dua jawatan itu tidak dipertandingkan.